

Soalan No: 30

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [ CHERAS ]**

**TARIKH : 22.3.2018 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan keadaan kesihatan mental di kalangan golongan profesion penguruan dalam sekolah-sekolah Kerajaan di seluruh negara. Nyatakan bilangan guru yang menghidap kemurungan (depression) dan punca-puncanya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Bahagian Psikologi dan Kaunseling telah menerima 94 kes kemurungan bagi tahun 2016 hingga 20 Januari 2018 iaitu sebanyak 54 kes pada tahun 2016, 32 kes bagi tahun 2017 dan 8 kes sehingga Januari 2018. Semua kes tersebut telah dirujuk kepada pakar psikiatri di hospital kerajaan. Kaunselor di KPM, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah pula membantu memberikan bimbingan dengan menggunakan terapi dan memastikan klien sentiasa dalam keadaan sihat serta tidak mengganggu tugas dalam organisasi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, punca-punca depresi dalam kalangan warga KPM adalah berbeza bagi setiap individu. Antara punca depresi ialah faktor genetik yang diwarisi, penceraian dalam keluarga, peristiwa sedih dalam hidup dan penyakit kronik yang dihadapi.

RJM49

9

**SOALAN ( 31 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 22 MAC 2018 [ KHAMIS]**

**DARIPADA : YB DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI  
NASARAH  
[ LENGGONG ]**

**SOALAN :-**

**YB DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH [ LENGGONG ]  
minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan  
Tempatan menyatakan berapakah jumlah penjanaan sisa negara bagi  
tahun 2016 dan 2017 sejak Program Pengasingan Sisa Pepejal telah  
dilaksanakan oleh Kementerian. Sejauh mana prestasi negara pada ketika  
ini terhadap pengurusan sisa pepejal dengan negara maju seperti Jerman,  
Austria dan Taiwan bagi maksud tersebut.**

69

## JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2016 jumlah janaan sisa pepejal adalah sebanyak 13.5 juta tan manakala pada tahun 2017 adalah sebanyak 13.7 juta tan. Untuk rekod, kadar kitar semula negara telah menunjukkan peningkatan daripada 17.5% pada tahun 2016 kepada 21% pada tahun 2017. Jumlah sisa pepejal yang telah dikitar semula adalah sebanyak 2.4 juta tan pada tahun 2016 dan 2.9 juta tan pada tahun 2017.

Secara umumnya, kejayaan ini disumbang oleh pelbagai program kesedaran 3R (*Reduce, Reuse dan Recycle*) yang dilaksanakan secara komprehensif dan berterusan meliputi pelbagai golongan sasaran. Program-program tersebut adalah seperti berikut:

- a) Ceramah dan pameran;
- b) Program 3R di pra-sekolah dan tadika;
- c) Program 3R di sekolah;

- d) Program 3R di Institut Pengajian Tinggi (IPT);
- e) Program 3R di Komuniti;
- f) Program 3R di agensi kerajaan;
- g) Drive-Thru 3R; dan
- h) Program 3R bersama pihak industri.

Bagi memperkuatkukan lagi amalan 3R ini, penguatkuasan Pengasingan Sisa Pepejal di Punca bagi negeri-negeri yang menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2017 (Akta 672) iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Kedah dan Perlis telah dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua,

Dari aspek tahap pengurusan sisa pepejal di negara ini berbanding negara maju seperti Jerman, Austria dan Taiwan, Malaysia juga mempunyai sistem pengurusan sisa pepejal yang efisien seiring dengan negara-negara tersebut. Ia dapat dilihat menerusi penswastaan pengurusan sisa pepejal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) yang menyalurkan tahap perkhidmatan yang berkualiti dan

sistematik; pemakaian *Standard Operating Procedure* (SOP) serta penggunaan teknologi terkini yang mesra alam.

Dalam konteks kadar kitar semula, walaupun Malaysia mencatatkan peratusan yang lebih rendah berbanding negara-negara seperti Jerman, Austria dan Taiwan yang telah melebihi 60%, namun peningkatan yang telah ditunjukkan saban tahun di negara ini telah memperlihatkan pencapaian yang positif hasil daripada pelaksanaan Pengasingan Sisa Pepejal di Punca dan amalan 3R. Peningkatan kadar kitar semula negara daripada 17.5% pada tahun 2016 kepada 21% pada tahun 2017 adalah sejajar dengan sasaran kadar kitar semula negara yang telah dipinda iaitu sebanyak 30% menjelang tahun 2020. Untuk makluman, sasaran kitar semula ini telah dipinda daripada 22% kepada 30%.

Ke arah mencapai status Negara Maju pada tahun 2020, kerajaan juga menjangkakan berlaku pelencongan tapak pelupusan (*landfill diversion*) sebanyak 40% daripada jumlah sisa pepejal yang terjana, di mana sebanyak 30% akan disumbang melalui pengasingan sisa dan amalan 3R dan 10% lagi disumbang oleh perawatan sisa pepejal seperti Loji Pengolahan Haba (*Insinerator*), *Waste to Energy* (WtE) dan kemudahan biogas (*Anaerobic Digestor*).